

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**MAKLUM BALAS KPM MENGENAI ISU PENGOPERASIAN
ISKUL SAMA DILAUT OMADAL**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian berkenaan polemik yang membabitkan pengoperasian Iskul Sama Dilaut Omadal seperti yang dilaporkan oleh media.

Untuk makluman, Persatuan Pendidikan Bajau Laut telah mengemukakan permohonan penubuhan institusi pendidikan swasta dalam kategori pusat bimbingan alternatif (PBA) kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah pada 30 Oktober 2023.

Malaysia adalah bukan negara pihak kepada Perjanjian Status Pelarian 1951 atau Protokol Pelarian 1967 bawah Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Maka penyediaan PBA adalah satu inisiatif kemanusiaan oleh kerajaan untuk pendidikan kepada kanak-kanak pelarian bagi menyediakan kanak-kanak tersebut untuk penghantaran ke negara ketiga.

Penubuhan PBA adalah tertakluk kepada ketetapan kerajaan dengan mengambil kira aspek pematuhan undang-undang dan peraturan berkaitan pelarian iaitu Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23 - Dasar dan Mekanisme Pengurusan Pelarian dan Pemohon Suaka (Semakan 2023) serta keselamatan negara.

Susulan daripada itu, KPM juga mengambil kira pandangan kementerian serta agensi lain yang berkaitan sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut sama ada memberikan kebenaran pengoperasian Iskul Sama Dilaut Omadal yang mana tertakluk kepada keputusan dasar Kerajaan.

Perkara ini memerlukan perbincangan lanjut merentasi kementerian dan agensi termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia, termasuk meneroka opsyen seperti model pelaksanaan sekolah bimbingan jalinan kasih (SBJK) yang dijalankan di beberapa tempat sebagai langkah KPM dalam berhadapan dengan isu ini.

KPM sentiasa beriltizam untuk meningkatkan mutu, kesaksamaan ekuiti dan akses pendidikan bagi semua murid.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
26 DISEMBER 2023